

BAB 2

KONSEP WAKAF DAN WAKAF PENJAGAAN KESIHATAN

2.1 PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu daripada amalan yang telah dipraktikkan oleh umat Islam seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri. Amalan ini merupakan satu daripada wahana atau cara umat Islam berbakti, di samping menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan syiar Islam. Wakaf melibatkan pemindahan harta daripada milik persendirian kepada Allah SWT untuk tujuan ibadah, sosial dan ekonomi termasuk pendidikan, kesihatan, kemudahan awam dan lain-lain lagi. Kefahaman yang jelas dan betul terhadap konsep wakaf ini amat penting bagi memastikan kesinambungan amalan ini dapat diteruskan sesuai dengan perkembangan semasa.

2.2 DEFINISI WAKAF

i) Bahasa

Perkataan wakaf berasal daripada istilah bahasa Arab ‘*waqf*’ yang merujuk kepada sesuatu pemberian untuk tujuan-tujuan keagamaan, kekeluargaan, kebajikan dan lain-lain. Dari segi bahasa perkataan bahasa Arab، ‘وقف’ (مصدر) merupakan kata terbitan dari kata kerja ‘وقف’ yang bermaksud berhenti, menahan atau menegah.¹ Dengan kata lain, ia bermaksud menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah SWT demi kepentingan umum. Selain ‘*waqf*’, perkataan ini juga dikenali dengan perkataan ‘*habs*’ yang bermaksud tahan atau

¹ Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arab*, j. 9 (Beirūt: Dār Sadr, 1990), 359.

menahan harta yang dimiliki semata-mata kerana Allah SWT.² Pemberian ‘*waqf*’ merupakan satu di antara cara memupuk sifat pengorbanan manusia semata-mata kerana Allah SWT.

ii) Istilah

Dari segi istilah, Jumhur fuqaha telah mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain dengan terputus hak milik ke atas harta tersebut. Harta yang diwakafkan mestilah dalam keadaan baik dan digunakan untuk tujuan kebaikan semata-mata bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT.³

Menurut mazhab Shafi‘i wakaf ialah penahanan harta yang berkekalan dan dapat dimanfaatkan harta tersebut. Pemilik harta tersebut akan terputus hak miliknya. Penggunaan harta tersebut adalah berbentuk kebaikan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁴ Mazhab Shafi‘i menghukumkan haram jika pewakaf masih memiliki harta yang diwakafkan sebagaimana dia masih memiliki hamba yang telah dibebaskan kecuali pewakaf hanya menjadi pengurus kepada harta berkenaan untuk membahagikan dan menyalurkan hasil-hasil wakaf.⁵ Pewakaf tidak boleh mengambil manfaat dari hasil wakaf kerana ia telah menjadi milik Allah dan telah lopus haknya.⁶

Menurut Abu Hanifah pewakafan harta membawa maksud penahanan harta (‘ayn) yang dimiliki oleh pemilik wakaf kepada pihak lain untuk mendapatkan faedah daripada

² Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2 (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1997), 485.

³ Al-Nawāwī, Abū Zakariyya Yahya bin Syarf, al-Majmu’ Syarḥ al-Muhādhhab, juz. 16 (Beirūt: Dār al-Fikr, 2005), 225; al-Zuhaily, Wahbah, *Fiqh al-Islamī wa Adilatuhu*, j.8 (Damshīk: Dār al-Fikr, 1997), 154.

⁴ Al-Sharbīnī, Muhammad b. Ahmad, *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifat al-Ma’ani al-Lafaz al-Minhaj*, jil. 21 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994) 522; al-Shirāzi, Abū Ishak Ibrahim bin ‘Ali, *Al-Muhadhdhab fi fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, cet.1, jil.2 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 323; Abu Zakariyya Yahya, Rawdah al-Talibīn, jil.4, (Beirūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 393-394.

⁵ Al-Qurtubi, *Jami’ al-Ahkām al-Fiqhiyyah*, cet. 1, jil.2 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 117.

⁶ Al-Mawardi, Abi al-Hassan ‘Ali b. Muhammad, *al-Hāwi al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, jil.5 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 511.

harta tersebut dengan cara kebajikan, samada untuk masa kini atau masa akan datang. Pewakafan menurut mazhab Maliki adalah penahanan daripada urusan pemilik, pada masa yang sama harta tersebut kekal menjadi milik pewakaf dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan.⁷ Menurut Ibu Qudamah daripada mazhab Hanbali, wakaf ialah menahan yang asal dan membelanjakan hasilnya pada jalan Allah SWT.⁸

2.3 DALIL PENSYARIATAN WAKAF

Nas-nas daripada al-Quran dan hadis yang membincangkan tentang wakaf adalah bersifat umum. Istilah-istilah seperti kebajikan, *nafaqah*, *infaq*, *sadaqah*, tahan dan lain-lainnya mengundang kepada pelbagai tafsiran. Oleh sebab itu, terdapat perbezaan pandangan para ulama ketika menghuraikan isu mengenai wakaf. Bagaimanapun, secara umumnya, wakaf merupakan satu daripada bentuk infak yang amat digalakkan oleh Islam.⁹

2.3.1 Al-Quran

Di dalam al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud:

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ

عَلَيْهِ عَلِيهِ


Ali 'Imran 3:92

Terjemahan: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu belanjakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

⁷ Badran, Badran Abu al-'Aynayn (1986), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dār al-Jami'ah, 260.

⁸ Al-Sharbinī, Muhammad b. Ahmad (1994), *Mughnī al-Muhtāj*, 184.

⁹ Razali Othman, *Institusi Wakaf, Sejarah dan Amalan Masa Kini* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 9.

Ayat-ayat al-Quran menjadi pendorong kepada amalan berwakaf dalam kalangan umat Islam. Apabila para sahabat mendengar perintah Allah SWT supaya manusia membuat kebaikan dengan bersedekah dan berwakaf. Mereka segera datang dengan membawa sahaja apa yang mereka miliki untuk diserahkan kepada Rasulullah SAW. Wakaf mampu memainkan peranan yang sangat penting untuk membangunkan kekuatan ummah serta kesejahteraan masyarakat dengan menekankan prinsip keadilan dan muafakat.

Selain itu terdapat juga pensyariatan wakaf berdasarkan firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ خَيْرٍ فَلَلَّوِالدِّينِ وَالْأَقْرَبِينَ
وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ الْسَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ



Al-Baqarah 2: 215

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membala dengan sebaik-baiknya).

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفُهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Al-Hadid 57: 11

Terjemahan: Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya? dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar.

مَثْلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ
فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ


Al-Baqarah 2:26

Terjemahan: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Beberapa maksud firman Allah SWT ini jelas menggalakkan seseorang memberikan harta miliknya untuk dimanfaatkan ke jalanNya dan Allah SWT telah menjanjikan bukan hanya pahala yang berlipat ganda malah keberkatan harta tersebut kepada pemiliknya. Amalan berwakaf ini memberi peluang yang luas kepada individu memiliki harta untuk mendekati dan mensyukuri nikmat Allah SWT dengan membantu golongan yang memerlukan.

2.3.2 Al-Hadith

Wakaf agama yang pertama dalam sejarah perundangan Islam dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu berhubung dengan Masjid Quba' yang dibina sendiri oleh Rasulullah SAW dalam hijrah baginda ke Madinah. Ini diikuti pula wakaf Masjid Nabawi di Madinah.¹⁰

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Wahai anak Adam! Jika engkau memberikan kelebihan (dari hartamu) adalah baik bagimu, dan jika engkau menahannya (dari memberi) adalah celaka, dan tiadalah engkau akan dicela jika tidak ada kelebihan.

¹⁰ Al-Zarqā', *Aḥkam al-Waqf* (Damsyīk: Maṭba'ah Jam'iyyah Dimasq, 1947), 7-8.

Mulakanlah pemberian itu kepada orang yang engkau tanggung. Tangan yang memberi lebih utama dari tangan yang menerima.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Perkara yang ingin ditekankan daripada hadis ini ialah bahawa mereka yang kaya mempunyai lebihan harta amat digalakkan untuk menginfakkannya. Dalam konteks wakaf, ianya lebih-lebih lagi relevan, malah lebih bermanfaat, jika dibandingkan dengan *infaq* sunat. Penerimanya mendapat manfaat yang berterusan selagi harta tersebut masih lagi boleh dimanfaatkan.¹¹

Hadis-hadis Rasulullah SAW juga banyak memperkatakan tentang *infaq* dan ganjaran yang dijanjikan Allah kepada mereka yang memberi *infaq* daripada hartanya.

Dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقْطَعَ عَنْهُ عَمْلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُونَ لَهُ

Terjemahan: Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.¹²

Ulama' telah mentafsirkan, sedekah jariah yang dimaksudkan dalam hadis tersebut membawa maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya. Sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.¹³

Sedekah jariah adalah *infaq* yang berterusan pahalanya dengan sebab berterusan penggunaan manfaatnya selagi mana harta itu wujud dan dalam keadaan baik. Justeru, memberikan *infaq* harta wakaf amatlah dituntut kerana selain daripada memperoleh pahala

¹¹ Baharuddin Sayin, *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*, 5.

¹² Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahya ibn Sharḥ, *Saḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muhyī al-Dīn al-Nawāwī*, jil. VI, Kitāb Wasiyyah, Bāb Mā Yulhaqu al-Insān min al-Thawab ba'da Wafatih, hadith no. 4199 (Beirut: Dār Ma'rifah, 1994), 817.

¹³ Al-Khāṭib al-Sharbī, *Mughnī al-Muhtaj*, jil.2, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 485.

amalan yang berterusan, ianya dapat meringankan beban dan kesukaran hidup yang ditanggung oleh mereka yang kurang bernasib baik.

Antara hadis yang menjadi dasar wakaf adalah hadis 'Abd Allah Ibn 'Umar yang menceritakan tentang kisah beliau meminta petunjuk daripada Rasulullah SAW ketika mendapat tanah di Khaibar. Nabi menganjurkan untuk menahan asal tanah tersebut dan menyedekahkan hasilnya. Hadis ini sebagaimana berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَنَّ عَمَرَ الْخَطَابَ أَصَابَ أَرْضًا
بِخَيْرٍ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ
اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَا لَا قُطُّ هُوَ أَنْفُسُ عِنْدِي
مِنْهُ ، فَمَا تَأْمُرُ ? قَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، قَالَ :
فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، وَأَنَّهُ لَا يُبَاغِثُ أَصْلَهَا ، وَلَا يُبْتَاعُ وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقَ بِهَا
فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْفُرَنَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ
لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعَمَ صَدِيقًا
“غَيْرِ مَتَوْلٍ”

Terjemahan: Daripada Ibnu 'Umar telah berkata: “Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, lalu beliau bertanya kepada Rasulullah SAW; Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, satu harta yang tidak pernah ku dapat sama sekali yang lebih baik bagiku selain tanah ini, lalu apa yang dikau perintahkan ke atasku padanya?” Maka jawab Baginda SAW, “Jika engkau hendak, tahanlah (wakafkan) tanah itu, dan sedekahkanlah manfaatnya”, lalu Umar menyedekahkannya dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Sedangkan hasilnya disedekahkan buat kepentingan fakir miskin, kaum kerabat, memerdekaan hamba sahaya, kepentingan di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya iaitu Nazir) untuk memakan daripadanya dengan cara yang ma'ruf dan tidak berlebihan (mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar) tanpa menjadikannya sumber harta.¹⁴

¹⁴ Bukhārī, Ṣaḥīḥ Buḥkārī. Kitāb al-Shurūt, Bāb al-Shurūt fī al-Waqf. Hadith No. 2737 (Beirūt: Dār Ihyā' al-Thurāt al-'Arāb), 488.

Merujuk kepada hadis di atas para fuqaha menetapkan tiga peraturan wakaf yang perlu direalisasikan dalam suatu pelaksanaan wakaf iaitu harta tersebut tidak boleh dijual, harta tersebut tidak boleh diberikan (dihibahkan) kepada orang lain dan harta tersebut tidak boleh diwarisi.¹⁵

Abu Talhah adalah seorang Ansar yang banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Antara kebun yang paling disayangi ialah kebun kurma di Bairuha yang terletak berhadapan dengan masjid.¹⁶ Apabila firman Allah tersebut diwahyukan kepada Rasulullah SAW, maka Abu Talhah berkata kepada Rasulullah SAW: “Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi ialah hartaku di jalan Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah.”¹⁷

Selain itu, contoh pewakafan yang lain adalah wakaf oleh Saidina Uthman ibn Affan yang telah membeli sebuah telaga yang bernama Raudah daripada seorang Yahudi dengan harga 20 dirham dan mewakafkannya kepada umat Islam. Ibn Qudāmah, meriwayatkan ramai para sahabat telah melaksanakan amalan wakaf seperti Saidina Abū Bakar r.a yang mewakafkan rumah kepada anaknya, Saidina ‘Alī mewakafkan tanah, Zubair al-Awwam mewakafkan rumahnya di Mekah dan Amru ibn Al-As mewakafkan kebunnya di Taif.

2.4 JENIS-JENIS WAKAF

¹⁵ Al-Syawkani, Muhammad bin ‘Ali, *Nayl al-Awtār*, jil.6 (Kaherah: Maktabah wa Matba’ah Muṣṭafa al-Bābi al-Halābi wa Awlādihi, t.t), 24-29.

¹⁶ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Muğhnī al-Muhtāj*, 485.

¹⁷ Al-Nawāwī, Muhāy al-Din, *Majmu’*, jil. 16 (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t), 324.

Secara umumnya wakaf terbahagi kepada dua jenis wakaf. Wakaf Khairi atau kebajikan dan Wakaf Zurri iaitu wakaf keluarga.¹⁸ Wakaf Zurri adalah wakaf yang ditujukan manfaatnya kepada ahli keluarga pewakaf sahaja.¹⁹ Wakaf Zurri diharuskan kerana terdapat unsur kebajikan untuk kaum kerabat yang ada hubungan dengan pewakaf itu yang bertujuan membantu mereka. Selain itu, ia dapat menjamin kebajikan saudara terdekat pewakaf dan keluarga agar memastikan mereka mendapat manfaat daripada harta yang diwakafkan sepanjang hayat mereka.²⁰

Wakaf Khairi/kebajikan diwakafkan untuk kebajikan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai.²¹ Wakaf Khairi dibahagikan kepada dua kategori umum iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf Am merupakan bentuk harta wakaf yang dibuat untuk kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan penerimanya atau tujuan yang tertentu. Pewakaf juga tidak menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan. Wakaf Khas bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan tertentu atau penerima tertentu.²²

Wakaf Musytarak ialah campuran antara Wakaf Khari dan Zurri. Wakaf Musytarak bermaksud wakaf yang ditujukan sebahagian manfaatnya kepada ahli keluarga dan sebahagiannya kepada masyarakat umum. Contohnya wakaf tanah pertanian di mana hasilnya ditujukan untuk anak cucu sementara sebahagian lain untuk tujuan umum.²³

¹⁸ Muhammad Jawwad, *Aḥwal al-Shahṣiah* (Dār al-‘Ilmi, (t.t)), 330.

¹⁹ Muhammad Jawwad, 334

²⁰ Sabiq al-Sayid, *Fiqh Sunnah*, jil.3 (Beirūt: Dār al-Fikr, 1992) 515; Badran, Badran Abu al-‘Aynayn, *Ahkām al-Wasāyā wa al-Awqāf fi al-Shari’ah al-Islamiyyah* (Kāherah: Dār Jami’ah, 1986), 274

²¹ Badran, Badran Abu al-‘Aynayn (1986), 271.

²² Siti Mashitoh Mahamood, *Bagaimana Membuat Wakaf* (Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2001) 3.

²³ Mohamad Akram Ladin, (et.al.), Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Wakaf, Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006, Anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur, 12-14 September 2006

Wakaf Irsad merujuk kepada pewakafan harta daripada pihak pemerintah dan juga daripada badan-badan atau organisasi tertentu.²⁴ Wakaf Irsad ialah wakaf tanah yang diwakafkan oleh pemerintah bagi tujuan kemaslahatan umum.²⁵ Wakaf ini dilakukan oleh pihak pemerintah dengan mewakafkan harta-harta milik Baitulmal samada harta alih atau harta tidak alih berdasarkan kepada kepentingan umum. Ini dapat dilihat dengan mengaplikasikan dana atau tanah milik Baitulmal kepada pembinaan masjid, institusi pendidikan, hospital dan sebagainya.²⁶

Terdapat juga wakaf kontemporari yang bersifat semasa sebagai tambahan kepada bentuk-bentuk tradisional yang ada seperti wakaf tunai, wakaf saham dan saham wakaf. Dari segi aspek hukum, wakaf dalam bentuk saham ini adalah diharuskan oleh syarak memandangkan ia selaras dengan prinsip dan konsep wakaf dalam Islam. Pembaharuan yang lebih relevan dan praktikal produk-produk baru wakaf sebagai tambahan kepada bentuk-bentuk wakaf yang baru. Ia bertujuan untuk memudahkan masyarakat Islam di samping menggalak serta membudayakan amalan berwakaf. Wakaf tunai menjadi alternatif kerana kesukaran mendapatkan harta wakaf yang kekal seperti tanah.²⁷

Konsep Saham Wakaf dari sudut *modus operandinya* dimulakan dengan wakaf tunai berdasarkan terbitan satu unit saham yang ditawarkan. Seterusnya proses kedua akan melibatkan pertukaran dengan pembelian aset atau aplikasinya kepada pembangunan projek terancang di bawah Majlis Agama Islam (MAIN) dan badan-badan yang terlibat

²⁴ Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad, "Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007) 4.

²⁵ Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islamī wa Adilatuhu*, cet. 2, jil.8 (Damsyīk: Dār al-Fikr, 1989), 167.

²⁶ Mustafa al-Khin (et.al.), *al-Fiqh al-manhaji*, cet. 10, jil.2 (Damsyīk:Dār al-Qalam, 2009), 221; Abu Zuhrah Muhammad, *Muahdarat fi al-Waqf*. (Kāherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 2005),113.

²⁷ Abu Bakar Manat, "Isu-isu berhubung Pembangunan Tanah Wakaf," *Jurnal Pengurusan JWZH* 1, no. 1 (2007), 68.

dalam penawaran produk ini. Konsep Wakaf Saham pula melibatkan saham yang dimiliki oleh seseorang atau badan sebagai harta yang diwakafkan.²⁸

2.5 RUKUN WAKAF

Amalan wakaf tidak sah jika kesemua atau salah satu rukun wakaf diabaikan. Rukun-rukun wakaf dan syarat-syarat sah wakaf telah digariskan bagi memastikan wakaf yang dilaksanakan mengikut syara'. Rukun wakaf dalam Islam terbahagi kepada empat perkara:

2.5.1 Pewakaf (*Wāqif*)

Pewakaf atau *wākif* ialah orang yang memberikan atau menyerahkan harta miliknya untuk dijadikan harta wakaf. Pewakaf ialah orang yang mewakafkan hartanya untuk tujuan kebajikan. Pewakaf mungkin terdiri daripada kalangan individu, kumpulan, institusi, syarikat atau pemerintah. Mereka hendaklah mempunyai sifat-sifat berikut:²⁹

- i) Pewakaf hendaklah terdiri daripada kalangan mereka yang merdeka fizikalnya daripada sebarang kongongan. Hamba abdi dianggap orang yang tidak bebas dan tidak boleh mewakafkan harta yang dimiliki jika ada. Pewakaf merupakan pemilik harta yang diwakafkan. Oleh itu, tidak sah wakaf seorang hamba jika harta yang dimiliki diambil secara tidak sah atau sebab fasid.
- ii) Pewakaf hendaklah terdiri daripada kalangan mereka yang bebas memiliki harta dan bebas untuk menggunakan atau membelanjakannya. Mereka yang ditahan hartanya (*mahjur*) tidak boleh berwakaf.
- iii) Pewakaf hendaklah terdiri daripada kalangan mereka yang berakal. Bagi orang gila, nyanyuk atau tidak sedarkan diri tidak boleh berwakaf. Oleh itu, tidak sah wakaf

²⁸ Siti Mashitooh Mahamood, Asmak Ab Rahman, "Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007), 8.

²⁹ Wahbah Zuhaylī, *al-Wasāyā wa al-Waqfīt al-Fiqh al-Islamī* (Damshīk: Dār al-Fikr, 1987), 176-178.

seseorang yang gila kerana hilang akal atau seseorang yang bodoh kerana tidak sempurna akal. Begitu juga, tidak sah bagi seseorang yang cacat akal dengan sebab sakit atau tua.

- iv) Pewakaf hendaklah terdiri daripada kalangan mereka yang telah baligh, kanak-kanak yang masih belum mencapai tahap baligh tidak boleh berwakaf. Oleh sebab itu, tidak sah wakaf bagi seorang kanak-kanak kecil, sama ada mumaiyyiz atau belum mumaiyyiz kerana baligh menggambarkan akal dan kesungguhan berwakaf.
- v) Pewakaf hendaklah terdiri daripada kalangan mereka yang cerdik mengendalikan harta yang dimiliki (*rushd*). Mereka yang ditahan hartanya (*mahjur*), muflis, pelupa dan sebagainya tidak sah berwakaf.
- vi) Agama bukan penghalang untuk seseorang itu berbuat amalan wakaf. Dengan kata lain, orang-orang bukan Islam juga boleh mewakafkan harta mereka asalkan tujuan wakaf tidak bertentangan dengan syariat Islam.

2.5.2 Harta yang diwakafkan (*Mauqūf*)

Harta yang hendak diwakafkan (*mauqūf*) oleh pewakaf hendaklah terdiri daripada harta yang dimilikinya secara sah, halal dan bersifat kekal zatnya, tahan lama, tidak mudah rosak dan mempunyai faedah yang diharuskan syarak. Ulama mazhab Maliki berpendapat harta wakaf tidak semestinya terdiri daripada harta kekal. Apa yang ditekankan oleh mereka ialah manfaat yang diperolehi.³⁰ Ini bermakna mana-mana juga harta yang boleh mendatangkan manfaat boleh diwakafkan walaupun harta tersebut bersifat tidak kekal. Contohnya wang, pakaian dan peralatan perang. Namun mereka mencadangkan agar harta

³⁰ Al-Dusūqī, Shams *al-Dīn al-Sheikh Muḥammad ‘Arfah Hāshiyah a-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jil. 4. (Misr: ‘Isā al-Bābī al-Halābī, t.t), 77.

wakaf yang tidak kekal ditukarkan kepada harta kekal agar manfaat yang bakal diperolehi oleh pewakaf akan berpanjangan.

Harta wakaf dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu harta tak alih dan harta alih. Harta yang bersifat tetap atau harta tak alih ialah sesuatu harta yang tidak mungkin untuk alihkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain contohnya tanah, bangunan batu, pokok, telaga, jalan raya dan sebagainya. Manakala harta yang bersifat boleh alih atau harta alih ialah sesuatu harta yang boleh dialihkan kedudukannya dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Jumhur fuqaha berpendapat bahawa sah mewakafkan harta tidak alih ('*aqr*) selagi mana harta tersebut boleh mendatangkan faedah atau manfaat.³¹

Terdapat perselisihan pendapat mengenai harta wakaf, sama ada ia perlu bersifat kekal atau sebaliknya. Walaupun begitu, mereka sepakat menyatakan bahawa manfaat wakaf perlu bersifat kekal selagi ain harta wakaf masih wujud. Ketidaksepakatan mengenai isu ini telah memberikan ruang yang cukup baik untuk meluaskan lagi jenis-jenis harta yang bernilai dan bermanfaat di sisi syarak supaya boleh dijadikan wakaf. Mana-mana harta yang bersifat tidak kekal perlu ditukarkan menjadi harta kekal, agar manfaat wakaf berkekalan sesuai dengan roh wakaf yang menginginkan agar manfaat wakaf bersifat kekal.³²

Harta wakaf seperti yang dijelaskan di atas perlulah memenuhi syarat-syarat sebelum diwakafkan. Harta yang dimaksudkan hendaklah milik sempurna pewakaf³³ dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan boleh dipindahmilikan. Oleh itu tidak sah mewakafkan harta yang bukan milik pewakaf. Bagi harta yang belum pasti atau belum dimiliki pemilik tidak sah diwakafkan, contohnya mewakafkan tanah milik orang lain.

³¹ Muhamamrd 'Ubayd, *al-Waqf fī al-Sharī'ah al-Islamiyah*, (Lubnan: Manshurat al-Maktabah al-Hadīthah, t.t),17-21.

³² Baharuddin Sayin, *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*, 12-13.

³³ Anwar Mahmud Dabbur, *Aḥkām al-Wasiyah fī al-Fiqh al-Islāmi*, 288

Harta yang dimaksudkan perlulah jelas dari segi jenis, kadar, bilangan, keluasan dan sukatana.³⁴

Harta wakaf juga hendaklah sesuatu yang bermanfaat dan diharuskan oleh syarak. Bagi harta yang diharamkan oleh syarak seperti harta curi adalah tidak sah diwakafkan, walaupun mungkin bermanfaat bagi sesetengah orang. Mewakafkan harta yang hanya boleh digunakan untuk perkara yang diharamkan adalah tidak sah. Hal ini kerana mewakafkan sesuatu dengan tujuan melakukan maksiat akan menafikan matlamat asal ibadah wakaf dilaksanakan.³⁵

2.5.3 Penerima Wakaf (*Mauqūf 'alaihi*)

Penerima wakaf atau *mauqūf* alaih merupakan individu, sekumpulan individu atau organisasi yang diberikan atau menerima manfaat daripada harta wakaf tersebut. Antara syarat *mauqūf* alaih ialah penerimaan tersebut hendaklah bertujuan mencari keredaan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.³⁶

Penerima wakaf merupakan pihak yang menerima sesuatu harta wakaf untuk dimanfaatkan. Antara syarat penerima harta wakaf adalah mestilah mereka yang boleh diserahkan hak milik. Ini bermaksud janin yang masih di dalam kandungan tidak boleh diserahkan milik kerana dalam kandungan dan kafir harbi juga tidak boleh diserahkan milik kerana golongan orang yang memerangi orang Islam.³⁷

Penerima diketahui dengan jelas (*al-muaiyin*) adalah yang telah dikhatususkan oleh pewakaf kepada individu, kumpulan atau pertubuhan tertentu. Mereka disyaratkan bersedia

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Wahbah Zuhaylī, *al-Wasāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islamī*, 184-189

³⁶ Anwar Mahmud Dabbur, *Aḥkām al-Wasiyah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn Ma'a Mūjaz li Aḥkām al-Waqf* (Kāherah: Dār al-Thaqāfah al-'Arabiyyah, 1985), 291.

³⁷ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mugnī al-Muhtāj*, 376-383.

menerima pemberian wakaf. Jika mereka menolak pemberian wakaf, maka wakaf yang dimaksudkan tidak sah.³⁸

Penerima wakaf yang tidak diketahui dengan jelas (*ghair al-muayain*) pula merujuk kepada wakaf bersifat umum seperti wakaf untuk orang ramai atau wakaf tanah untuk perkuburan. Wakaf jenis ini dianggap terlaksana atau benar-benar telah menjadi wakaf apabila hasrat pewakaf telah dilakukan, walaupun oleh seseorang insan. Sebagai contoh wakaf jenis ini akan terlaksana apabila bangunan masjid atau tanah perkuburan yang dimaksudkan mula digunakan walaupun oleh seorang sahaja.

2.5.4 Lafaz Akad Wakaf (*sīghah*)

Sighah ialah lafaz yang diucapkan pewakaf ketika menyerahkan harta wakafnya kepada seseorang atau pihak-pihak yang ditentukannya. Sighah, dengan kata lain, merupakan pernyataan penyerahan (ijab) harta daripada pewakaf kepada penerima wakaf. Pernyataan dan ikrar penyerahan harta ini boleh dilakukan sama ada secara lisan, tulisan atau isyarat bagi orang yang tidak mampu menyampaikannya dengan cara yang lain, asalkan isyarat ini menunjukkan dengan jelas kehendak pewakaf.³⁹

Syarat sighah wakaf di sisi fuqaha adalah kekal (ta'bid), pelaksanaan serta merta serta tidak putus, tidak disertai dengan syarat batal dan berhubung dengan penerima wakaf.⁴⁰ Sesuatu wakaf tidak sah sekiranya sighahnya menunjukkan kepada sesuatu yang bersifat sementara. Pelaksanaannya pula hendaklah dibuat segera atau tanpa syarat-syarat

³⁸ Al-Zuhaylī, Wahbah, *Fiqh al-Islāmī wa Adīllātuhu*, 189.

³⁹ Anwar Mahmud Dabbur, *Aḥkām al-Wasiyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, 282-283

⁴⁰ Anwar Mahmud Dabbur, 283.

tertentu kerana lafaz wakaf memberi kesan kepada pelepasan hak milik pewakaf sebaik-baik sahaja ia dilafazkan.⁴¹

Antara syarat sahnya lafaz ijab mestilah menunjukkan kepada niat pewakaf secara jelas lagi terang. Lafaz wakaf ialah pertuturan yang menunjukkan rasa hati seseorang untuk melakukan amalan wakaf.⁴² Contoh, “Aku wakafkan tanahku ini untuk tapak masjid kampung ini”. Sebenarnya pertuturan adalah tanda yang menunjukkan kehendak dan keinginan seseorang. Walaupun niat seseorang itu sudah dikira pahala oleh Allah SWT, tetapi ia masih kabur dalam undang-undang untuk pelaksanaan, khususnya dalam amalan wakaf. Oleh itu, niat untuk wakaf adalah untuk dilafazkan kerana ia melibatkan urusan dengan manusia. Untuk memudahkan urusan pentadbiran, lafaz wakaf perlu direkodkan dalam bentuk tulisan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh para sahabat Rasulullah SAW di zaman silam.⁴³

2.6 SEJARAH PERKEMBANGAN DAN PERUNDANGAN WAKAF

Masyarakat sebelum Islam seperti Mesopotamia, Greek, Rom dan juga masyarakat Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam sudah mengamalkan sumbangan yang bertujuan kebajikan (*charitable endowment*). Amalan wakaf sama ada wakaf am atau khas berkembang dengan pesat dalam sejarah perundangan Islam.

Keistimewaan dan keunikan wakaf terletak kepada konsep pemisahan antara pemilikan (*ownership*) dan hak atau faedah penggunaan (*usufruct*). Faedah yang boleh dinikmati daripada aset wakaf adalah berbentuk kekal selama-lamanya (*perpetual*) kerana ianya tidak bergantung kepada entiti pemilik yang sifatnya hanya sementara. Konsep

⁴¹ Muhamamad ‘Ubayd, *al-Waqf fi al-Syarīah al-Islamiyah*, (Lubnan: Manshurat al-Maktabah al-Hadīthah, t.t), 28.

⁴² Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Wasāyā wa al-Waqffī al-Fiqh al-Islāmī*, 202.

⁴³ Baharuddin Sayin, *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*, 14.

berkekalan wakaf adalah konsep yang pertama pernah disumbangkan oleh perundangan Islam.⁴⁴ Konsep pemisahan antara pemilik dengan hak penggunaan menjadikan institusi wakaf sebagai satu entiti baru yang dikenali sebagai satu entiti perundangan (*legal entity* atau *al-shakhsiyah al-i'tibariyyah*).⁴⁵

Wakaf keseluruhannya berkait dengan agama dan sistem sosio-ekonomi masyarakat Islam telah memainkan peranan yang sangat besar di sepanjang sejarah keagungan pemerintahan kerajaan Islam. Institusi wakaf berkembang dan diterima sebagai satu sumber pembiayaan penting untuk membasmi kebejatan sosial, khususnya dalam memberikan capaian kepada sumber-sumber asas dan sistem sokongan secara percuma termasuk infrastuktur asas, pendidikan dan penjagaan kesihatan (hospital).⁴⁶

Sejarah juga melaporkan bahawa amalan wakaf bukan sahaja dilakukan oleh orang awam tetapi juga oleh pihak pemerintah dan keluarga Diraja. Permaisuri Zubaidah, isteri kepada Khalifah Harun al-Rashid telah mewakafkan hartanya untuk menyediakan jalan (yang selamat dan mudah) untuk tujuan perjalanan haji daripada Baghdad ke Mekah. Dilaporkan juga jumlah tanah pertanian yang diwakafkan adalah separuh daripada tanah di Algeria di pertengahan kurun ke sembilan belas Masihi dan berjumlah satu perlapan Mesir pada tahun 1949.⁴⁷ Amalan-amalan ini juga berlaku di negara-negara Islam termasuk Malaysia.

Berhubung dengan perundangan wakaf, tidak terdapat semasa zaman awal dan pertengahan Islam satu kumpulan undang-undang yang tersusun untuk mengawal pentadbiran harta wakaf sama ada untuk tujuan pendaftaran, pengagihan faedah,

⁴⁴ Henry Cattan, “The Law of Waqf” dalam *Law in The Middle East*, ed. M. Khadduri dan H. Liebesny (Washington D.C: The Middle East Institute, 1955), 205.

⁴⁵ Mohd Daud Bakar, “Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan” dalam *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1999), 159.

⁴⁶ Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman, “Kuasa Barat dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no.2 (200), 7.

⁴⁷ Anwar Iqbal Qureshi, *Fiscal Policy of Islam* (Lahore Pakistan: Institute of Islamic Culture), 186-188.

penyelesaian kes-kes mahkamah berhubung harta wakaf dan seumpamanya. Namun sejarah perundangan Islam telah memberikan fokus yang khas kepada harta wakaf berbanding dengan harta-harta yang lain. Ini dapat dilihat apabila pentadbiran wakaf diletakkan di bawah bidang kuasa dan penyeliaan mahkamah. Setiap hakim di setiap pelusuk tanah Islam diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk memeriksa rekod dan kedudukan harta wakaf.⁴⁸

Menurut al-Mawardi, sekiranya pihak yang mewakafkan sesuatu aset (*wāqif*) telah melantik pemegang amanah (*trustee*) untuk menguruskan harta wakaf, maka hakim dan mahkamah tidak boleh campur tangan dalam dalam urusan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Kuasa yang diberikan secara tersirat yang diberikan kepada hakim adalah kuasa untuk melakukan pemeriksaan ke atas wakaf untuk mengelakkan sebarang salah guna dan salah urus tadbir. Namun, al-Mawardi menggesa para pemerintah untuk terlibat dalam urusan pemeriksaan harta wakaf bagi mengelakkan sebarang salah guna pengurusan harta wakaf. Hal pentadbiran atau pemeriksaan harta wakaf dilakukan sendiri oleh Ketua Hakim kerana kepentingan institusi wakaf dalam masyarakat Islam pada masa itu.⁴⁹

Ini adalah bentuk pentadbiran wakaf yang diamalkan pada pemerintahan Abbasiyyah dan sejurus selepas kejatuhan Abbasiyyah. Hak pengurusan harta wakaf dijalankan oleh pemegang amanah yan dilantik oleh pihak *wāqif* dan jika tidak dilantik oleh sebab-sebab tertentu, hakim daerah akan membuat perlantikan bagi tujuan tersebut. Pentadbiran wakaf dalam era ini adalah dalam bentuk ‘daerah’ di mana segala rekod dan maklumat disimpan di mahkamah daerah oleh pihak hakim.⁵⁰

Selepas era tersebut, timbul satu pendekatan ke arah penyatuan pentadbiran wakaf peringkat pusat. Cubaan pertama telah dibuat pada tahun 369 Hijrah oleh Khalifah Mu’izz daripada Kerajaan Fatimiyyah di Mesir untuk meletakkan harta wakaf di bawah bidang

⁴⁸ Mohd Daud Bakar, *Amalan Institusi Wakaf*, 166.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid*, 167.

kuasa baitulmal pusat. Terdapat sebab yang membawa kepada pendekatan pemerintahan pentadbiran wakaf. Antara faktor politik adalah pihak sultan ingin melemahkan kekuatan pihak daerah dari segi ekonomi. Justeru itu, pihak daerah mungkin tidak berkemampuan untuk menyusun kekuatan melancarkan serangan ke arah kerajaan pusat. Konflik antara pihak berkuasa negeri dan daerah dengan kerajaan pusat adalah fenomena biasa di zaman pertengahan Islam.⁵¹

Faktor kedua ialah faktor ekonomi di mana pihak kerajaan tidak mampu untuk menentukan bentuk pengeluaran makanan secara teratur. Ini adalah kerana tanah-tanah pertanian yang diwakafkan ditadbir secara berasingan dan sehubungan dengan itu, jenis dan jumlah tanaman adalah berbeza berdasarkan keputusan pemegang-pemegang amanah di pelbagai tempat. Kadang kala makanan tertentu adalah terlalu kurang dalam negara dan ini telah menimbulkan suasana tidak stabil kerana ia melibatkan makanan rakyat.⁵²

Faktor yang ketiga ialah persoalan perundangan yang hanya jelas di akhir pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah iaitu persoalan pemilikan sebenar tanah wakaf. Tanah-tanah wakaf masih lagi menjadi milik negara (*raqabah al-daulah*) di mana pemegang amanah hanya mempunyai kuasa menguruskan tanah-tanah tersebut (*haq al-tasarruf*) dan hak benefisari hanya berbentuk menggunakan (*haq al-istighlal*). Namun, proses pemerintahan ini kurang berjaya dan dalam konteks tindakan Khalifah al-Mu'izz ianya telah dihapuskan oleh Salehudin al-Ayubi. Pemerintahan pentadbiran dan pengurusan wakaf yang pernah dilakukan al-Mu'izz ialah segala hasil pendapatan wakaf dihantar ke baitulmal pusat dan dari situ, sebanyak 1.5 milion dirham diagihkan kepada benefisari wakaf di seluruh dunia. Hasilnya agihan ini tidak mencukupi dan kebanyakan masjid tidak dapat dibiayai kerana kekurangan peruntukan kewangan. Oleh sebab itu, Salehudin al-

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*, 168.

Ayubi seperti yang dilaporkan oleh Ibn Khaldun telah memansuhkan sistem pemasatan wakaf tersebut.⁵³

Khalifah Islam yang terakhir iaitu Khalifah Uthmaniyyah sebelum berlaku era penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam. Dalam era Uthmaniyyah, pemasatan pentadbiran dan pengurusan wakaf diteruskan diikuti pentadbiran yang berbentuk daerah (*decentralization*). Pemasatan pentadbiran wakaf di Turki adalah satu proses yang paling berkesan untuk menghapuskan institusi wakaf. Ini berlaku dalam dua perspektif iaitu harta wakaf yang lama dihapuskan dan harta wakaf yang baru tidak dapat diadakan. Proses mengadakan wakaf baru mengikut proses yang rumit kerana perlu mengikut undang-undang pusat. Ini berbeza dengan zaman sebelum ini di mana seseorang *wāqif* hanya perlu mendaftar harta wakafnya di hadapan hakim di daerahnya.⁵⁴

Pada tahun 1937, sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji penghapusan institusi wakaf di Turki dan kemudiannya menghapuskannya secara sistematik. Caranya ialah dengan mengeluarkan arahan kepada penyewa tanah atau bangunan wakaf supaya membeli harta wakaf ini. Sekiranya gagal untuk membeli, harta wakaf dijual dengan harga yang tinggi di mana hasil jualan adalah dimiliki oleh kerajaan⁵⁵

Perkembangan pada tahun 1954 menyaksikan bagaimana institusi wakaf tunai dihapuskan secara sistematik. Undang-undang yang diluluskan pada tahun 1967 mewajibkan proses istibdal iaitu menukar segala wakaf tunai dalam bentuk saham-saham bank dan perkembangan ini memansuhkan institusi wakaf di Turki sama ada wakaf harta atau wakaf tunai.⁵⁶

⁵³ Ibn Khaldun, *The Mukaddima, An Introduction to History* (terj.) Frank Rosenthal, (New York: Panthon Books, 158), 435.

⁵⁴ Mohd Daud Bakar, *Amalan Institusi Wakaf*, 170

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.* 171.

Kebanyakan negeri di Malaysia tidak mentakrifkan secara terperinci tentang wakaf kecuali beberapa negeri sahaja, iaitu Wilayah Persekutuan, Melaka, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan. Kebanyakan definisi yang diperuntukkan dalam beberapa enakmen hanyalah menyentuh tentang harta Wakaf Am dan Khas sahaja yang melibatkan semua jenis harta wakaf termasuk tanah yang dikategorikan sebagai harta tak alih.⁵⁷

Menurut Enakmen Wakaf Selangor (bil. 7/1999), wakaf ertinya menyerahkan apa-apa yang boleh dinikmati manfaat dan faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai Wakaf Am atau Wakaf Khas menurut hukum syarak, tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor (bil.4/1996) mentakrifkan wakaf sebagai pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuan punya harta itu kerana maksud agama mengikut hukum syarak. Enakmen Wakaf Negeri Sembilan (bil.16/2005) agak terperinci dalam mendefinisikan wakaf berbanding enakmen wakaf yang digubal sebelum ini. Wakaf ertinya menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya, menyerahkan manfaat, faedah atau keuntungan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta atau menyediakan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah dan keuntungannya.⁵⁸

⁵⁷ Mohd Afendi Mat Rani, “*Peranan Institusi Keagamaan Dalam Membangun Ekonomi Ummah*”, 6.
⁵⁸ *Ibid.*

2.7 PERANAN DAN SUMBANGAN HOSPITAL ISLAM

Hospital ditakrifkan sebagai bilik atau bangunan khusus yang digunakan untuk rawatan berterusan bagi mengubati penyakit. Perkataan hospital, *hôtel*, *spital* dan *hospis* adalah berasal dari perkataan Latin ‘*hospitium*’ yang bermaksud ‘suatu tempat hiburan untuk orang asing, tempat menginap tetamu’. *Hospitia* ketika zaman kristian berhubung dengan biara bertujuan untuk menampung jemaah. *Hôtel* adalah dari perkataan yang merujuk kepada bangunan yang memberi perkhidmatan penginapan berbayar kepada tetamu dan tiada hubung kait dengan penyakit. Perkataan greek ‘*xenodochion*’ untuk orang asing dan miskin, akhirnya dirujuk sebagai hospital kebajikan ketika era Kristian awal. Semasa Zaman Keemasan Islam iaitu pada abad ke 9H hingga ke 13H, perkataan Parsi ‘*bimaristan*’ merujuk kepada hospital manakala *maristan* merujuk kepada hospital bagi orang yang tidak siuman.⁵⁹

Idea hospital sebagai sebuah institusi untuk merawat penyakit tidak wujud sebelum kehadiran Islam. Pada ketika ini hanya terdapat sanatoria dan rumah tumpangan yang disambungkan dengan rumah-rumah ibadat yang diuruskan oleh para paderi. Ilmu tisyul, tuhan-tuhan atau dewa yang mereka sembah memainkan peranan penting dalam kaedah merawat pesakit. Upacara keagamaan ini tidak memberi kesan kepada pesakit. Terdapat juga sebahagian tempat rawatan yang hanya merawat pesakit daripada kelompok bangsa dan agama tertentu sahaja. Kedatangan Islam telah mengubah cara rawatan tradisional kepada sistem rawatan yang canggih dan saintifik.⁶⁰

⁵⁹ Francois P. Retief & Louise Cilliers, “The Evolution of Hospital from Antiquity to the Renaissance,” *Acta Theologica Supplementum* 7 (2005), 215

⁶⁰ Husain F. Nagamia, “Islamic Medicine History and Current Practise,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 29, (2003), 23.

Al-Bimaristan berasal daripada dua perkataan Parsi. “Bimar” bermaksud sakit dan “stan” bermaksud tempat atau rumah. Nama bimaristan ini digunakan pada zaman kegemilangan Islam. Sebelum asimilasi peradaban Islam terdapat tempat bagi merawat orang sakit yang diusahakan oleh paderi. Walau bagaimanapun, selepas kedatangan Islam, pemerintah Islam telah menubuhkan hospital bagi semua golongan sama ada kaya atau miskin bagi sesiapa yang ingin mendapatkan rawatan.⁶¹

Institusi hospital dalam dunia Islam terus berkembang pesat. Pemerintah dan masyarakat Islam tanpa mengira kedudukan telah membelanjakan harta mereka untuk jalan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hospital merupakan sebahagian daripada sumbangan kebajikan mereka terhadap masyarakat.⁶²

Hospital yang dibangunkan oleh Al-Walid ibn Abdul Malik, Khalifah kerajaan Uthmaniyyah merupakan hospital pertama yang dibangunkan di Damsyik (707M) dengan pembiayaan Baitulmal. Hospital ini digunakan untuk para pesakit sama ada miskin atau kaya, Muslim atau bukan Muslim. Usaha pembinaan seperti ini semakin dipergiatkan pada zaman Abasiyyah sehingga bilangan hospital yang didirikan di Baghdad dan di Cordova, Sepanyol terdapat lima puluh buah hospital.⁶³

Banyak hospital wakaf dibangunkan melalui institusi wakaf di bandar-bandar terpenting. Salehuddin menubuhkan dua buah hospital di Mesir dan di Damsyik, dan ibn Jubair membina dua buah hospital.⁶⁴ Hospital al-Nasiri atau al-Salahi dibuka atas perintah Salahuddin al-Ayyubi di Kaherah, Mesir pada tahun 577 H (1171 M) terletak di Fustat.

⁶¹ Nurdeen Deuraseh, “Medical Care During the Middle Ages,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 4, no. 8 (Oct 2005), 15.

⁶² Razali Othman, *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 72.

⁶³ Ahmad Taha, *Kedoktoran Islam*, terj. Ismail Ibrahim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 44.

⁶⁴ *Ibid.*

Pembinaan hospital yang sempurna telah dibina ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-809M) di Baghdad, Hospital al-Audidi dibina oleh ‘Adud al-Dawla ibn Buwaih pada tahun 372H dan telah dibina dengan seliaan oleh al-Razi. Beliau memilih kawasan yang terbaik dalam membina hospital dengan cara menggantungkan daging di setiap penjuru kota dan melihat kepada kadar yang paling perlahan daging tersebut itu rosak, maka tempat tersebut dibina hospital.⁶⁵

Penubuhan hospital terawal di Baghdad oleh Harun al-Rashid telah diteruskan dengan penubuhan hospital yang lain. Antaranya adalah oleh ‘Ali b. Isa di Baghadad pada 301H/904M dan Hospital al’-Muqtadir yang dibina oleh khalifah al-Muqtadir pada 305H/918M atas nasihat Sinan ibn Thabit. Selain itu, di Mesir hospital telah dibina oleh Ahmad Tulun pada 261H/877M. Sultan Nur al-din al-Zanji pula membina hospital pada 570H/1175M di Damsyik (Syiria). Al-Wazir b. ‘Isa pernah mengarahkan hospital bergerak digunakan untuk merawat mereka yang berada di pedalaman, di mana tidak terdapat doktor.⁶⁶

Hospital-hospital yang didirikan pada zaman ini dibangunkan dengan reka bentuk senibina yang hebat dan menarik. Hospital tersebut terdiri daripada dua sayap bangunan dan setiap sayap tersebut ditempatkan untuk penyakit lelaki dan satu sayap lagi ditempatkan untuk pesakit perempuan. Tiap-tiap sayap bangunan itu pula mempunyai dewan-dewan rawatan tersendiri mengikut jenis-jenis penyakit tertentu. Terdapat dewan untuk pembedahan, dewan rawatan ortopedik, dewan rawatan sakit mata, dan juga dewan-dewan penyakit lain. Lantai-lantai bangunan hospital itu ditutup dengan kayu yang berbau wangi dan ruangannya dipanaskan dengan wap pembakaran pada musim sejuk dan pada musim panas pula disejukkan dengan kipas-kipas yang besar. Dewan-dewan rawatan para

⁶⁵ Husain F. Nagamia, “Islamic Medicine History and Current Practise,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 29, (2003), 23.

⁶⁶ Ahmad Taha, *Kedoktoran Islam*, 44.

pesakit dilengkapkan dengan katil, bantal, selimut dan tabir. Setiap bahagian hospital pula masing-masing mempunyai para pembantu, tukang cuci, pekerja am lelaki dan wanita untuk menghidangkan makanan, mengemas dan membersihkan serta membantu mencuci pakaian dan membantu para pesakit di dalam bilik air.⁶⁷

Mereka juga bertugas untuk memasak makanan yang telah ditetapkan oleh para doktor dan dihidangkan dalam bekas yang berasingan dan tertutup serta tidak dikongsi dengan pesakit yang lain. Pada waktu malam, terdapat para pencerita yang akan menceritakan cerita-cerita penglipur lara kepada pesakit. Setiap hospital terdapat sebuah farmasi yang menyediakan ubat-ubatan yang dikendalikan oleh pakar farmasi hospital itu. Ahli-ahli perubatan ini akan merekodkan segala perbelanjaan yang dibelanjakan untuk pemeriksaan. Hospital juga dilengkapkan dengan bilik mandi dan air panas dan disambungkan dengan masjid. Di perkarangannya pula ditanam pohon-pohon yang indah dan berbau wangi.⁶⁸

Pentadbiran hospital diketuai oleh ketua (pengarah) yang mengawasi urusan pentadbiran dan pengawalan. Para petugas perubatan hospital yang dilantik akan menjalani peperiksaan dan penapisan yang teliti dan berdasarkan prestasi yang cemerlang tanpa mengira jantina dan status sosial. Pada doktor dilantik daripada pelbagai kepakaran seperti doktor perubatan, pakar bedah dan pakar mata.⁶⁹

Setiap hari pakar perubatan dan pembantu-pembantu akan memeriksa para pesakit di bahagian masing-masing dan mencatatkan rawatan yang perlu diberikan dan perkara-perkara lain yang seharusnya diberikan perhatian segera. Rekod para pesakit, iaitu tarikh pesakit menghidap penyakit itu dicatatkan di dalam buku pendaftaran yang akan disimpan oleh pihak hospital. Hospital-hospital Islam pada zaman itu telah memperkenalkan sistem

⁶⁷ *Ibid.*, 45.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*, 46.

kerja giliran yang mesti dipatuhi tanpa mengira kedudukan mereka. Sebelum para pesakit dimasukkan ke hospital, pemeriksaan dilakukan di luar dewan hospital oleh seorang doktor. Pesakit yang berpenyakit ringan akan diberikan ubat daripada farmasi hospital.⁷⁰

Para pesakit yang memerlukan rawatan di hospital akan dicatatkan di dalam buku pendaftaran hospital. Para pesakit dikehendaki untuk membersihkan diri mereka sebelum menyalin pakaian hospital yang bersih. Pakaian mereka akan disimpan bersama-sama barang persendirian mereka di dalam almari simpanan yang dikhaskan sehingga mereka diizinkan keluar dari hospital. Para pesakit tersebut ditempatkan di dewan-dewan rawatan tertentu mengikut jenis penyakit masing-masing. Ketika pesakit diizinkan untuk pulang, pesakit akan diberikan pakaian dan sejumlah wang untuk keperluan asasnya sehingga dapat mengembalikan kesihatannya seperti sedia kala dan sehingga dapat meneruskan pekerjaan kembali.⁷¹

Perkembangan pembangunan hospital memberikan sumbangan yang besar kepada perubatan Islam. Semua golongan masyarakat diberikan rawatan tanpa melihat latar belakang pesakit. Hospital diuruskan oleh kerajaan dan pengarah hospital adalah doktor. Pesakit lelaki dan perempuan diasingkan dan ditempatkan di wad yang berlainan. Bukan itu sahaja, penyakit yang berbeza seperti demam, luka, jangkitan, mata dan sebagainya diletakkan di wad yang berlainan. Pesakit disediakan bekalan air yang mencukupi dan fasiliti bilik mandi.⁷²

Hanya doktor yang bertauliah dan mempunyai lesen sahaja yang boleh memberi rawatan kepada pesakit. Rawatan di hospital dibahagikan kepada jabatan pesakit luar dan jabatan pesakit dalam. Di Hospital Tulun, ketika pesakit dimasukkan ke hospital, mereka

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Husain F. Nagamia, “Islamic Medicine History and Current Practise,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 29, (2003), 23.

diberikan pakaian dan wang. Barang berharga milik mereka akan disimpan oleh pihak hospital sehingga pesakit dibenarkan pulang. Malah, pesakit juga diberikan lima keping emas untuk keperluan harian sehingga mereka benar-benar boleh bekerja semula.⁷³ Selain itu, di Fustat juga terdapat juga Hospital al-'Atiq yang dibina oleh Ahmad ibn Tulun pada tahun 259 H (872 M).

Hospital Qayrawan yang dibina pada 830M di Tunisia mempunyai ciri pembahagian wad, bilik menunggu untuk pesakit, pelawat dan jururawat daripada Sudan. Hospital itu juga menyediakan fasiliti untuk menjalankan ibadah solat. Hospital Al-Audidi yang dibina pada 981M di Baghdad dilengkapi dengan perabot dan peralatan yang terbaik pada waktu itu.⁷⁴

Kompleks Suleymaniye (*kulliye*) yang dibina di Istanbul, Turki oleh arkitek yang bernama Mimar Sinan antara tahun 1550M hingga 1557M adalah pembinaan yang paling besar di zaman Uthmaniyyah. Selepas itu, diikuti dengan pembinaan kompleks Fatih. Terdapat sekolah perubatan yang dikenali sebagai *Sulleymaniye Medical Madrasa (Dār al-Tib)* telah dibina di dalam kompleks ini.⁷⁵

Ketika Paris dan London hanya mempunyai jalan lumpur, Baghdad, Kaherah dan Cordova telah mempunyai hospital yang hebat dan moden. Terdapat dua jenis hospital iaitu tetap dan bergerak. Hospital bergerak ini menyediakan perkhidmatan yang hampir sama dengan hospital yang tetap. Ia dilengkapi dengan ubat-ubatan, instrumen, khemah, doktor dan jururawat. Bagi masyarakat yang tinggal di pedalaman, hospital bergerak ini memudahkan mereka untuk mendapatkan rawatan.⁷⁶

⁷³ Husain F. Nagamia, "Islamic Medicine History and Current Practise," *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 29, (2003), 23.

⁷⁴ Syed Ibrahim, "Islamic Medicine: 1000 Years and Ahead of Its Times," *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 2 (2002), 4-5.

⁷⁵ Salim Ayduz, "Suleymaniye Medical Madrasa (Dar al-Tib) and Its Importance in the History of Ottoman Medicine," *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 8-9, (2009-2010),31.

⁷⁶*Ibid.*

2.8 SUMBER PEMBIAYAAN HOSPITAL ISLAM

Binaan hospital pada masa kini semakin hebat. Lokasi dan reka bentuk yang mesa alam, bangunan pencakar langit, perkhidmatan yang mesa pelanggan, peralatan yang canggih dan kehebatan pakar-pakar perubatan sering mengagumkan kita. Tanpa kita sedari, kehebatan hospital-hospital yang wujud hari ini dicetuskan oleh kehebatan hospital-hospital yang wujud pada zaman keagungan Islam. Institusi wakaf menjadi sumber pembiayaan yang bertanggungjawab dalam pembinaan hospital serta melahirkan pakar-pakar perubatan terbilang. Kehebatan hospital melalaui institusi wakaf ini kemudiannya menjadi ikutan kepada pembinaan hospital moden yang pada hari ini menggunakan pendekatan *endowment*.⁷⁷

Terdapat banyak hospital yang dibiayai oleh wakaf ketika kegemilangan Islam. Antaranya ialah Hospital Ibn Tulun di Kaherah Mesir yang telah dibina berhampiran dengan masjid. Selain itu, antara hospital terawal yang dibina menggunakan konsep wakaf adalah Hospital Badr Ghulam di Baghdad, Hospital Baghkami yang dibina oleh Amir ‘Abdul Hassan Baghkan (Yukham), Hospital Ikshidid, Mesir dibina oleh Turkish Kafur al-Ikhshid, hospital yang dibina oleh Muizzuddawala ibn Buwayh di Baghdad, Hospital Marakish di Afrika Utara, Hospital Adudi di Baghdad, Hospital Nuri yang diasas oleh Raja Nur al-Din Zangi dan Hospital Mansuri yang diasaskan oleh al-Mansur ibn Qulawun pula di bina di Kaherah, Mesir (1279-1290 M).⁷⁸

Hospital-hospital di zaman kegemilangan Islam mempunyai harta wakaf sendiri untuk membiayai para doktor yang bertugas. Bahagian wakaf ini terletak di bawah kelolaan seorang nazir yang biasanya disandang oleh para pembesar negara atau para khalifah

⁷⁷ Razali Othman, *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*, 72.

⁷⁸ A.R Nowsheravi, “Muslim Hospital in The Medival Period,” *Islamic Studies* 22, no. 2 (1983), 56-57.

sendiri. Pentadbiran harta wakaf dikawal rapi dan ini dapat dilihat dalam kes yang berlaku pada zaman Sinan ibn Thabit. Ibn Qurrah, pengarah hospital al-Adudi di Baghdad mendapati bahawa nazir yang mengelolakan harta wakaf tidak menjalankan tugasnya dengan saksama, maka beliau segera menulis kepada menteri Ali bin ‘Isa dengan mengemukakan aduannya bahawa para pesakit mengalami kekurangan arang sebagai bahan bakar, selimut dan barang keperluan lain. Maka menteri tersebut segera menulis kepada nazir itu supaya mengambil tindakan serta-merta untuk kepentingan hospital. Maka, para pesakit segera mendapatkan bahan bakar dan keperluan lain yang diperlukan.⁷⁹

Hospital berkewajipan memberi rawatan kepada pelbagai bangsa. Peraturan Hospital Qalawun yang didirikan oleh Sultan Mansur ibn Qalawun (880H/1281M) di Kaherah, Mesir mengatakan bahawa ianya diwakafkan untuk para pesakit lelaki dan perempuan sehingga sembah tanpa membezakan antara kaya dan miskin, rakyat dan pemerintah, yang kuat dan lemah, dan tidak dikenakan sebarang syarat pembayaran kecuali untuk mendapatkan kelebihan dari Allah SWT.⁸⁰

Hospital di zaman pertengahan Islam terbuka kepada semua tanpa mengira jantina, umur, agama dankekayaan. Hospital di zaman ini mendapat pembiayaan melalui institusi wakaf. Setiap pesakit akan dirawat di dalam wad yang berlainan mengikut penyakit yang dihadapi oleh mereka. Terdapat juga hospital khas yang merawat penyakit mental.⁸¹

Sistem wakaf yang dimulakan oleh Seljuk dan diteruskan pada zaman Uthmaniyyah telah menjadi satu tradisi. Institusi kesihatan, masjid, *tabhane* (hostel), *hamam* (bilik mandi), *caravanseri*, air pancutan dan sebagainya digabungkan di dalam satu *kulliye* (kompleks). Sumber pembiayaan kompleks ini melalui pendapatan dari sewaan iaitu ‘*akar*’.

⁷⁹ Ahmad Taha, *Kedoktoran Islam*, 47.

⁸⁰ *Ibid.*, 110.

⁸¹ Rosanna Gorini, “Bimaristans and Mental Health in Two Different Areas of the Medieval Islamic World,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 6-7, (2007-2008), 16.

Pembinaan darussifa ditubuhkan sebagai institusi kebajikan oleh isteri-isteri pemerintah. Mutawwali dipertanggungjawabkan untuk menguruskan institusi tersebut. Di Anatolia, ramai wanita yang menyumbang walaupun tidak kaya dengan cara mendermakan rumah dan kebun mereka atas nama mereka sendiri atau ahli keluarga supaya dapat diingati dan mendapatkan keredaan Allah sesudah mati.⁸²

Wanita juga memainkan peranan yang besar dalam pewakafan di zaman kegemilangan Islam. Sebanyak 2309 institusi yang diwakaf adalah didirikan oleh wanita. Contohnya pembinaan hospital oleh Nurbanu Valide Sultan pada zaman Uthmaniyyah yang telah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat. Wanita yang berwakaf bukan sahaja daripada golongan istana malah wanita daripada golongan rakyat jelata juga sering melakukan aktiviti pewakafan. Oleh itu, peranan wanita dalam menyumbang kepada pewakafan tidak boleh diabaikan.⁸³

Hospital lain yang telah dibina adalah Hospital Mansuri di Kaherah, Mesir oleh Mansur Qalawun. Hospital ini boleh menampung seramai 8000 orang dan merupakan hospital yang paling besar pernah dibina. Pendapatan tahunan daripada wakaf sendiri adalah sebanyak satu juta dirham. Lelaki dan perempuan dimasukkan ke wad yang berasingan. Tanpa melihat kepada bangsa, agama atau warganegara (sepertimana yang telah ditetapkan dalam dokumen wakaf), maka tidak ada sesiapa yang tidak akan dilayan. Dokumen wakaf menyatakan bahawa:

“Hospital perlu merawat semua pesakit, lelaki dan perempuan sehingga mereka benar-benar sembuh. Semua kos pesakit ditanggung oleh pihak hospital sama ada jauh atau dekat, sama ada rakyat tempatan atau warga asing, kuat atau lemah, rendah atau tinggi, bekerja atau menganggur, buta

⁸² Betul Bakir & Ibrahim Basagaoglu, “How Medical Functions Shaped Architecture in Anatolian Seljuk Darussifas (hospitals) and Especially in The Divrigi Turan Malik Darussifa,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 5 (2006), 65.

⁸³ Omer Duzbakar, “Charitable Women and Their Pious Foundations in The Ottoman Empire: The Hospital Senior mother, Nurbanu Valide Sultan,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 5 (2006), 12.

atau celik, sihat atau sakit mental, pandai atau buta huruf. Tiada bayaran dikenakan. Segala perkhidmatan adalah melalui kebesaran Allah yang Maha Pemurah”.

Keadaan fizikal hospital terutama yang dibina oleh Sultan dan pemerintah seperti sebuah istana yang ditukarkan kepada sebuah hospital dengan gaya mewah, malah hospital di Eropah tidak dapat menyaangi kehebatan hospital yang dibina pada zaman kegemilangan Islam.⁸⁴

Perkembangan hospital dalam sejarah Islam berkembang kesan daripada ingin membuat kebijakan dan simpati kepada yang sakit dan memerlukan. Pemerintah membina hospital, masjid, sekolah dan lain-lagi lagi bagi pelaburan untuk menghadapi hari pembalasan kelak. Faktor utama perkembangan dan penubuhan hospital adalah sokongan dan kestabilan institusi wakaf. Dana wakaf digunakan bagi menjalankan projek kemanusiaan bagi membantu mengurangkan beban masyarakat. Khalifah di zaman Abasiyyah menggunakan harta wakaf, derma, sedekah dan hasilnya untuk membantu, menyelenggarakan dan membina masjid, sekolah, hospital dan sebagainya.⁸⁵

2.9 JENIS-JENIS PERKHIDMATAN HOSPITAL ISLAM

Ketika zaman kegemilangan Islam, terdapat pelbagai jenis hospital bagi merawat penyakit yang berbeza. Berikut merupakan hospital mengikut tujuan yang berbeza:⁸⁶

- a) Hospital Penyakit Mental

Kepentingan untuk menjaga akal merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan seorang Muslim kerana ia termasuk daripada salah satu maqasid syariah. Pesakit mental

⁸⁴ Husain F. Nagamia, “Islamic Medicine History and Current Practise,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 29, (2003), 24.

⁸⁵ Nurdeen Deuraseh, “Medical Care During the Middle Age,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 4, no. 8 (2005), 17.

⁸⁶ Sharif Kaf al-Ghazal, *The Origin of Bimaristan (Hospital) in Medical History* (UK: Foundation for Science Technology and Civilisation, 2007), 6-8; A.R Nowsheravi, “Muslim Hospital in Medieval Period,” *Islamic Studies* 22, no. 2 (1983), 53-54.

diasingkan daripada pesakit yang lain supaya tidak memberikan kemudaran kepada orang lain. Para doktor dan pakar psikiatri mengetahui bahawa mereka perlu diberikan penjagaan istimewa lebih daripada pesakit biasa.

b) Hospital Kusta

Hospital ini dibina khas untuk pesakit yang menjalani rawatan pesakit kusta dan pesakit ini diasingkan daripada pesakit yang lain.

c) Hospital Penjara

Islam mengambil berat tentang memberikan layanan yang adil dan sama rata kepada semua manusia termasuklah banduan yang berada di penjara. Ketika ‘Isa ibn ‘Ali melawat banduan, beliau menyedari kepentingan untuk merawat pesakit atas sifat kemanusiaan. Oleh itu, Khalifah al-Muqtadir meminta Sinan ibn Thabit membina hospital untuk para banduan.

d) Hospital Bergerak (*Mobile Hospital*)

Umat Islam mengetahui tentang hospital bergerak sejak zaman nabi lagi. Rufaidah pada zaman itu pernah memberikan rawatan kepada orang-orang yang cedera iaitu bertempat di sebuah khemah di Masjid al-Nabawi, ketika Sa’ad ibn Mu’az RA tercedera di dalam pentempuran Khandaq, maka Rasulullah SAW memerintahkan supaya Sa’ad dimasukkan ke khemah Rufaidah.

Para khalifah Islam dan para sultan telah memberikan perhatian yang berat tentang hospital bergerak dan mereka membekalkannya dengan segala kemudahan, ubat-ubatan, makan dan minuman untuk para pesakit. Pusat-pusat perubatan pada masa itu berpindah-randah dari satu daerah ke satu daerah yang lain iaitu ke tempat yang jauh dari bandar dan tiada hospital yang tetap. Sebuah hospital bergerak yang diasaskan pada zaman al-Muqtadir Billah adalah antara satu contoh hospital bergerak yang mempunyai konsep ini yang

diwujudkan berdasarkan surat menteri ‘Ali ibn ‘Isa ibn Jarrah kepada Sinan ibn Thabit ibn Qurrah seorang doktor pada zaman tersebut.

Hospital ini penting kepada mereka yang mengerjakan kewajipan ibadah Haji di Mekah dan tempat-tempat ibadah lain. Perkhidmatan dalam bentuk *caravan* ini disediakan untuk membantu mereka yang cedera dan memerlukan ketika perjalanan yang mengembara.⁸⁷

e) Pusat Kecemasan

Orang pertama yang menubuhkan pusat kecemasan adalah Ahmad ibn Tulun (868-833M). Pusat rawatan kecemasan ini didirikan di tempat-tempat yang sering menjadi tempat orang ramai berkumpul seperti masjid. Pusat ini dijalankan oleh para doktor dan pakar ubat untuk merawat orang-orang sakit dan orang-orang yang tercedera.⁸⁸

f) Hospital Pengajaran/Pendidikan (Perubatan)⁸⁹

Hospital-hospital Islam bukan merupakan tempat rawatan semata-mata tetapi merupakan institusi pelajaran untuk mengajar dan melatih para pelajar perubatan. Para ahli perubatan menghadiri perundingan-perundingan rawatan dan memerhatikan cara-cara pemeriksaan doktor dan kaedah rawatan yang diberikan oleh mereka. Setiap hospital mempunyai dewan kuliah yang besar sebagai tempat perbincangan antara pelajar dan doktor. Lawatan ke wad-wad pesakit juga merupakan sebahagian daripada latihan kepada para pelajar.

Setelah pelajar mempelajari teori perubatan, mereka akan menjalani latihan praktikal di hospital dengan seliaan para doktor. Proses pengajaran ini bermula ketika abad ke 4H, yang dimulai oleh Jibra’il bin ‘Ubayd Allah bin Bukhtishu di Bimaristan al-Muqtadiri. Bimaristan al-‘Adudi mempunyai dua orang tenaga pengajar iaitu Abu Hasan

⁸⁷ Sharif Kaf al-Ghazal, *The Origin of Bimaristan (Hospital) in Medical History*.

⁸⁸ *Ibid.*, 49-48.

⁸⁹ Roziah Sidik Mat Sidek, “Transformation of Hospital in the Civilization from Medical Treatment Centre into a Teaching Hospital,” *The Social Sciences* 7, no. 3 (2012), 437.

‘Ali bin Ibrahim bin Bakkas dan ‘Ali bin Ibrahim bin Bukhtishu. Hospital lain yang memainkan peranan sebagai pusat pengajaran perubatan adalah Bimaristan al-Nuri, Damsyik (541H/1146M). Doktor yang mengajar adalah Abu Majid bin Abi al-Hakam bin ‘Ubayd Allah bin al-Mustaffa al-Bahili.

2.10 CIRI-CIRI HOSPITAL DALAM TAMADUN ISLAM⁹⁰

Orang Islam telah memainkan peranan dalam pembinaan hospital pertama yang canggih dan mengagumkan. Hospital pada zaman kegemilangan Islam mempunyai wad yang berbeza bagi mengubati penyakit yang berlainan, tempat khas untuk mereka yang tidak siuman, bahagian pesakit luar untuk mengubati pesakit yang hanya mengalami kecederaan ringan dan sebagainya. Hospital-hospital di zaman kegemilangan Islam mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a) Terbuka: Hospital ini menerima semua orang tanpa mengira warna kulit, agama atau latar belakang. Para doktor bekerja hanya untuk kesejahteraan pesakit.
- b) Wad dan jururawat yang berbeza: Memisahkan wad pesakit lelaki dan wad pesakit wanita. Jururawat perempuan menjaga pesakit perempuan dan jururawat lelaki menjaga pesakit lelaki.
- c) Rekod pesakit: Hospital menyimpan rekod pesakit dan rawatan yang diterima oleh pesakit.
- d) Bilik mandi dan penyediaan air: Solat lima kali sehari adalah tiang agama. Sihat atau sakit ia merupakan satu kewajipan bagi menunaikan solat. Oleh itu, hospital perlu menyediakan air bersih dan fasiliti bilik air kepada pesakit dan kakitangan.

⁹⁰ Sharif Kaf al-Ghazal, “The Influence of Islamic Philosophy and Ethics on The Development of Medicine During the Islamic Renaissance,” *Journal of The International Society for The History of Islamic Medicine* 3, (2004), 5-6.

- e) Doktor bertauliah: Hanya doktor yang mempunyai tauliah oleh undang-undang sahaja yang dibenarkan untuk merawat pesakit. Pada tahun 931M, Khalifah al-Mugtadir dari dinasti Abasiyyah telah mengarahkan ketua para doktor iaitu Sinan ibn Thabit untuk memilih 860 orang doktor di Baghdad dan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja akan dipilih untuk berkhidmat. Mereka perlu mempelajari pengajian Islam, falsafah, astronomi, seni, kimia dan lain-lain sebelum diterima menjadi pelajar perubatan.
- f) Peraturan perubatan: Peraturan yang digubal perlu dipatuhi bagi memastikan para doktor tidak menipu pesakit ketika mengendalikan ubat-ubatan.
- g) Sekolah perubatan: Hospital bukan sahaja untuk merawat pesakit, tetapi untuk mendidik pelajar perubatan, pertukaran ilmu pengetahuan tentang perubatan. Terdapat perpustakaan yang menempatkan buku terkini perubatan, bilik untuk para pelajar dan pensyarah berdiskusi dan perumahan untuk pelajar dan kakitangan.
- h) Penglibatan pemerintah dalam pembinaan hospital: Khalifah telah membina hospital yang indah dan hebat bagi tujuan keagamaan iaitu Islam telah menganjurkan bahawa wang yang digunakan untuk kebajikan adalah pelaburan yang baik untuk hari pembalasan. Bagi tujuan politik pula, ini menunjukkan bahawa pemerintah menunjukkan mengambil berat akan hal ehwal rakyat. Walau apapun motif pemerintah, semua rakyat mendapat manfaat dan kelebihan daripada pembinaan hospital.
- i) Pembiayaan yang mencukupi untuk menjalankan operasi hospital: Pemerintah mempunyai dana khas untuk menjalankan operasi hospital iaitu sistem wakaf. Sumbangan wakaf daripada orang ramai digunakan untuk membiayai dan menyelenggara hospital, masjid dan sekolah.
- j) Upahan doktor: Doktor berhak mendapat bayaran upah sebagai balasan bagi kerjanya merawat pesakit, ini berdasarkan kepada upah yang diberikan oleh Rasullullah SAW

kepada pembekam. Kadar upah terserah kepada doktor dengan syarat ianya diketahui dan dipersetujui terlebih dahulu oleh pesakit. Orang Islam diperintah supaya tidak menganiayai sesama insan, dan para doktor hendaklah melakukan tugas dengan sebaik-baiknya.⁹¹

2.11 SUMBANGAN WAKAF DALAM PENJAGAAN KESIHATAN ZAMAN KONTEMPORARI

Wakaf memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan sosio ekonomi ummah. Institusi wakaf perlu ditransformasikan supaya sesuai dan relevan untuk masyarakat Islam pada zaman ini. Kebergantungan institusi kesihatan terhadap bantuan kerajaan seterusnya dapat membantu mengurangkan bebanan rakyat yang tidak mampu untuk menampung bebanan kos perubatan yang semakin meningkat.

Di Malaysia, selain daripada Hospital Waqaf An-Nur dan rangkaian Klinik Waqaf An-Nur di sekitar negeri Johor, terdapat negeri lain yang juga membina klinik wakaf. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) membina Klinik dan Pusat Dialisis Waqaf An-Nur di Senawang dan menjadi tumpuan penduduk di sekitar Seremban untuk mendapatkan rawatan pada kadar bayaran yang murah. Pihak MAINS mengambil idea daripada konsep klinik dan pusat dialisis wakaf yang ditubuhkan oleh Johor Corporation dan rangkaian hospital di dalam KPJ Healthcare Berhad. Ia beroperasi sejak 6 Oktober 2003 yang memberikan perkhidmatan am kepada pesakit yang memerlukan perundingan (konsultasi) dan juga rawatan perubatan. Bayaran yang dikenakan adalah dengan kadar minimum iaitu RM5. Selain itu, klinik ini juga menawarkan rawatan dialisis untuk pesakit buah pinggang. Pengurusan dan operasi klinik diuruskan oleh kakitangan Hospital Pakar

⁹¹ Ahmad Taha, *Kedoktoran Islam*, terj. Ismail Ibrahim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 73.

Seremban KPJ. Kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan dialisis ditanggung sepenuh atau sebahagiannya oleh Baitulmal bagi mereka yang berkelayakan.⁹²

Peranan wakaf dalam penjagaan kesihatan dan perubatan di Malaysia akan diterangkan dengan lebih mendalam dalam bab 3 dan bab 4. Sumbangan wakaf dalam penjagaan kesihatan di zaman kontemporari dapat dilihat antaranya adalah seperti berikut:

2.11.1 Hamrad Laboratories (*waqf*) Bangladesh⁹³

Sejarah Penubuhan Hamrad bermula pada tahun 1906, apabila Hakim Hafiz Abdul Majeed membuka sebuah kedai ubat di Delhi. Di Dhaka, Bangladesh Hamrad ditubuhkan pada tahun 1953. Hakim Md. Yousof Harun Bhuiyan adalah individu yang bertanggungjawab ke atas kegemilangan Hamrad Bangladesh 1982. Beliau juga membuka jalan sejarah sains perubatan di Bangladesh dan berjaya untuk mendapatkan pengiktirafan amalan menggunakan ubatan herba di Bangladesh dan menjadi penyambung antara perubatan tradisional dan perubatan moden.

Hamrad memberikan manfaat dengan pemberian preskripsi secara percuma kepada pesakit melalui penubuhan pusat perubatan dan kolej perubatan. Hamrad telah membina 200 pusat perubatan di seluruh negara. Tiada bayaran dikenakan kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan konsultasi, pemeriksaan dan perkhidmatan. Para pesakit hanya membayar untuk mendapatkan ubat-ubatan sahaja. Namun, ubat-ubatan diberi secara percuma pada hari Jumaat daripada pusat perubatannya sendiri dan klinik bergerak. Namun begitu, rawatan kesihatan dan ubatan tidak dikenakan bayaran kepada mereka yang miskin. Hamrad dedikasi untuk berbakti kepada ummah dengan menyembuhkan penyakit

⁹² KPJ Healthcare, dicapai 1 Julai 2013, <http://www.kpjhealth.com.my/news-detail.php?id>

⁹³ Hamrad Laboratories (*waqf*) Bangladesh, dicapai 10 Ogos 2013, <http://www.hamdard.com.bd/profile/about-hamdard#>

dan menyebarkan ilmu pengetahuan untuk membantu kehidupan dan menghilangkan kesusahan manusia.

2.11.2 Islamic Relief⁹⁴

Tujuan penubuhan Islamic Relief adalah untuk membasi kemsikan dan kesengsaraan dalam jangka panjang. Penubuhan pertama pejabat Islamic Relief adalah di Khartoum, Sudan yang membantu mereka yang terlibat dalam kemarau dan membina kembali hidup mereka.

Sejak dari itu, Islamic Relief telah membina 100 buah pejabat di 40 buah negara di seluruh dunia seperti di Afghanistan, Albania, Pakistan, Palestin, Somalia dan lain-lain. Selain itu, Islamic Relief membantu dalam menghadapi bencana alam, bertanggungjawab dalam pembangunan berterusan dalam menyediakan air, makanan, tempat perlindungan, penjagaan kesihatan dan pendidikan dalam jangka masa panjang. Selain itu, ia juga membantu anak yatim, kanak-kanak dan orang dewasa dalam mendapatkan pekerjaan dan membina persekitaran yang baik untuk melindungi komuniti yang tidak berdaya daripada bencana pada masa akan datang dan menghalang daripada kehilangan nyawa dan harta. Hampir 30 tahun, Islamic Relief telah berkembang sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam terbesar di dunia.

Penjagaan kesihatan merupakan perkara yang sering kekurangan di negara miskin. Oleh itu, Islamic Relief telah membina hospital dan klinik-klinik. Menyediakan peralatan dan ubat-ubatan, ambulan kepada klinik yang sedia ada di zon yang mengalami konflik. Apabila terdapat krasis di sesebuah negara, Islamic Relief menyalurkan bantuan kemanusiaan termasuk penjagaan kesihatan dan menyediakan air bersih untuk

⁹⁴ Islamic Relief, dicapai 18 September 2013, <http://www.islamic-relief.org.uk/about-us/history3/>.

mengelakkan penyakit. Mereka juga melakukan projek jangka panjang seperti membina semula saliran air dan fasiliti sanitasi.

Islamic Relief juga mengadakan program penjagaan bagi ibu mengandung, vaksin bagi kanak-kanak dan menyediakan pemeriksaan kesihatan kepada ibu dan bayi untuk memastikan mereka selamat dan sihat pada waktu kritis. Tanpa meminggirkan kesan kepada psikologi kerana menyaksikan keganasan dan pertumpahan darah, kaunseling dan terapi diberikan untuk pulih daripada trauma.

2.11.3 *The Orphans Endowment Waqf Fund*⁹⁵

“*The Orphans Endowment Waqf Fund*” adalah perkongsian antara al-Baraka Bank, Iqraa Trust dan Islamic Relief Worldwide South Africa. Tujuan penubuhannya adalah untuk membantu anak yatim dan kanak-kanak yang tidak berkemampuan. Al-Baraka Bank yang didaftarkan di Afrika Selatan pada tahun 1989 merupakan perintis perbankan Islam di negara itu. Al-Baraka Bank percaya bahawa masyarakat memerlukan sistem pembiayaan yang adil dan juga mampu untuk menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan masyarakat.

Terdapat lebih dua juta anak-anak yatim di Afrika Selatan. Seramai 1000 orang mati setiap hari kerana Aids dan meninggalkan anak-anak yatim yang memerlukan penjagaan dan sokongan. Kanak-kanak ini terpaksa menjaga diri mereka sendiri. Mereka sering kali tidak hadir ke sekolah kerana kekurangan nutrisi, masa hadapan yang tidak menentu dan keadaan fizikal yang tidak sihat.

Dana Wakaf Anak Yatim ini bersifat bantuan berdikari yang akan menghasilkan sumber dana secara berterusan untuk membantu dan menyokong anak-anak yang tidak berupaya di negara tersebut. Dana Wakaf Anak Yatim ini bersifat bantuan berdikari yang

⁹⁵ Al-Baraka Bank, dicapai 2 November 2013,
<http://www.albaraka.co.za/OrphansEndowmentWaqfFund.aspx>.

akan menghasilkan sumber dana secara berterusan untuk membantu dan menyokong anak-anak yang tidak berupaya di negara tersebut. Penderma atau penyumbang boleh menyumbang apa sahaja amaun atau mendapatkan wakaf saham bagi R500 dan akan mendapat sijil penyertaan wakaf. 10 peratus daripada sumbangan akan digunakan bagi urusan pentadbiran dan baki akan dilaburkan di pelaburan Patuh Syariah. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan akan disumbangkan kepada Program Anak Yatim sebanyak 80 peratus, 10 peratus untuk pentadbiran, dan 10 peratus lagi akan dilaburkan semula.

Perkhidmatan yang disediakan untuk keluarga anak yatim tersebut adalah hamper makanan secara bulanan, uniform sekolah dan alat tulis, pakaian dan selimut, program penjagaan harian bagi kanak-kanak pra sekolah, penyediaan penjagaan ke rumah dan membantu keluarga yang sakit. Selain itu, penjaga akan menghadiri kumpulan sokongan pada setiap minggu dan juga dapat mengakses air melalui tangki air.

2.11.4 International Islamic Charity Organization (IICO)⁹⁶

International Islamic Charity Organization merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kemanusiaan. IICO memberikan khidmat di seluruh dunia tanpa mengira bangsa dan negara. IICO membantu mereka yang memerlukan dalam sosial, pendidikan, perubatan, bantuan keamanaan, bencana alam, epidemik, kebuluran dan lain-lain. IICO mencontohi kebajikan yang dilakukan oleh sejarah dunia Islam.

Ibu pejabat IICO terletak di Selatan Surra, berdekatan dengan bandar Kuwait. Walaupun beribu pejabat di Kuwait pembiayaan, pelaburan dan aktiviti adalah global. IICO menyediakan keperluan asas kepada mereka yang memerlukan seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan dan tempat perlindungan. Pembangunaan komuniti miskin dibantu melalui pengembangan potensi insan dan pembiayaan sumber dengan cara yang efisen yang akan

⁹⁶International Islamic Cahrity Organization, dicapai 10 Disember 2013, http://www.iico.org/AxCMSweblive/en_alwaqf_funds

membolehkan mereka berdikari. Pembangunan insan adalah melalui pembasmian buta huruf, pendidikan dan latihan.

Penubuhan IICO ini juga menambahkan kefahaman tentang kerja-kerja kebajikan yang dituntut oleh agama dan juga menyebar luas kepada orang ramai akan kesedaran membuat kerja sukarela dan kebajikan dalam aktiviti yang mulia. Dana wakaf yang terdapat di IICO adalah Dana Pendidikan, Dana Kesihatan, Dana Perkembangan, Dana Sosial dan juga Dana Wakaf Umum.

2.11.5 Wakaf Selangor Muamalat⁹⁷

Bank Mualamat Malaysia Berhad (BMMB) telah mempuat kerjasama strategik dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi melancarkan perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Bagi perkhidmatan wakaf ini, BMMB bertindak sebagai ejen kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengutip harta wakaf daripada pelanggan dan masyarakat umum. Hasil kutipan wakaf ini disalurkan kepada pembangunan pendidikan, kesihatan dan pelabura, dan lain-lain tujuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) dari masa ke semasa. Aktiviti program dan aktiviti pembangunan kesihatan adalah pembelian alatan dan mesin iaitu mesin dialisis dan ubat-ubatan. Selain itu, dana tersebut didunakan untuk pembiayaan rawatan dan penyelidikan.

Wakaf Selangor Mualamat menyumbang dua mesin dialisis berjumlah RM80,000 kepada Pusat Hemodialisis Islam Makmur, Kuantan. Pusat Hemodialisis Islam Makmur (PHIM) adalah sebuah pusat dialisis yang diasaskan oleh Badan Dakwah Islamiah Pahang (NADWAH) sebuah NGO yang bergiat aktif. Pusat Hemodialisis tersebut adalah penerima Wakaf Selangor Muamalat di luar negeri Selangor yang pertama. Selain itu, WSM telah memberi sumbangan wakaf dua mesin dialisis untuk kegunaan pesakit berjumlah

⁹⁷ Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), dicapai 15 Februari 2015, www.muamalat.com.my/consumer-banking/oxyher-service/wakaf-selangor/wakaf-updates.html

RM76,000 di Pusat Dialisis Nur Ain, Rawang Selngor. Pada 30 Januari 2013, WMS telah memberi sumbangan peralatan kepada Hospital Sungai Buloh. Wakaf Selangor Mualamat telah menyumbang sebanyak RM405,530 dalam bentuk bantuan perlalatan kesihatan seperti mesin dialisis, mesin oksigen concentrator, kerusi roda dan pelbagai lagi. Sumbangan ini tidak terhad kepada umat Islam sahaja malah turut dimanfaatkan kepada golongan bukan Islam.

2.12 KESIMPULAN

Wakaf merupakan ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah. Pada masa yang sama, wakaf berperanan dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat dalam penyediaan kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Perkembangan dan kegemilangan Islam dalam penyediaan rawatan penjagaan kesihatan berkONSEPkan wakaf dengan pembinaan hospital Islam perlu diteruskan pada masa kini kerana ia memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.